



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PEGUAM NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

## PROGRAM SANTUNI MADANI

Jabatan Peguam Negara akan melaksanakan program "Santuni Madani" di PPR Paya Nahu, Sungai Petani, Kedah pada 2 September 2024, dari pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang yang akan dirasmikan oleh YBhg. Datuk Peguam Negara Malaysia. Program ini merupakan wadah penyatuan komuniti melalui program kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan di peringkat daerah dan Persatuan Penduduk Setempat PPR Paya Nahu.

Dianggarkan sekitar 1,000 orang akan hadir untuk memeriahkan pelbagai aktiviti yang disediakan, termasuklah Klinik Bantuan Guaman oleh Jabatan Bantuan Guaman, pemeriksaan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, taklimat oleh Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penerangan, SWCorp dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

Program ini berfungsi sebagai platform untuk meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan langsung serta perbincangan bagi mengenal pasti masalah sosioekonomi dan keperluan penduduk setempat. Program ini akan dijalankan secara berkala untuk memastikan komuniti setempat mendapat pendedahan terus tentang inisiatif kerajaan dalam usaha menaik taraf sosioekonomi masyarakat.

**JABATAN PEGUAM NEGARA**  
**26 OGOS 2024**